

29/09/2003

Dunia dikongkong selagi kuasa veto tidak dirombak: PM

Kadir Dikoh; Salina Abdullah

SUBANG: Dunia akan terus dikongkong oleh lima negara kuasa besar yang mempunyai kuasa veto dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selagi kuasa mutlak veto satu negara tidak dihapuskan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dunia sudah melihat bagaimana negara kuasa besar itu bukan saja tidak demokratik, malah mereka juga sanggup menyetujui PBB sedangkan mereka sudah berikrar untuk bertindak dengan persetujuan PBB.

Beliau berkata, lima negara yang mempunyai kuasa veto - Amerika Syarikat, Britain, China, Perancis dan Russia tidak akan bersetuju sebarang cadangan penyusunan semula badan dunia itu jika ia menjejaskan kedudukan serta pengaruh mereka.

Bagaimanapun, katanya, usaha menyusun semula struktur PBB mesti diteruskan walaupun proses itu akan mengambil masa yang panjang dan rumit.

"Kita mesti terus menekan perkara ini, kalau tidak sampai bila-bila pun keadaan tidak demokratik ini akan berterusan dan dunia dikongkong oleh lima negara ini," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini semalam, sekembalinya daripada lawatan ke London, Sweden, New York dan Monaco.

Dr Mahathir diminta mengulas lanjut ucapannya pada Perhimpunan Agung PBB ke-58 di New York, Khamis lalu, dengan saranan supaya PBB menghapuskan kuasa veto satu negara dan digantikan dengan dua kuasa veto serta perlu disokong tiga lagi anggota Majlis Keselamatan bagi menghalang sebarang resolusi PBB.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, usaha ke arah penyusunan semula badan dunia itu bukan sesuatu yang mudah kerana kuasa veto itu ada di tangan lima negara terbabit dan sebarang cadangan penyusunan PBB mestilah mendapat sokongan daripada mereka.

"Saya tekankan bahawa ini adalah sesuatu yang tidak demokratik sedangkan kita tahu negara-negara ini semuanya bercakap mengenai demokrasi. Mereka nak dunia ini supaya menjadi demokratik sehingga mereka sanggup mengguna kekerasan untuk memaksa dunia menerima sistem demokrasi.

"Tetapi apabila mereka sendiri tidak mengamalkan demokrasi, mereka anggap sebagai satu hak istimewa kepada mereka tapi dalam sistem demokrasi kita tidak terima hak istimewa melainkan dengan persetujuan semua pihak.

"Ini jelas majoriti negara yang jadi ahli PBB tak bersetuju dengan keadaan sekarang," katanya.

Ditanya apakah cara terbaik yang boleh dilakukan sedangkan seruan negara membangun langsung tidak dihiraukan terutama oleh Amerika Syarikat dan Britain, Dr Mahathir berkata, semua negara dalam PBB mesti terus mendesak badan dunia itu walau seberapa lama pun kerana jika dibiarkan, keadaan tidak demokratik itu akan berterusan.

(Keanggotaan Majlis Keselamatan PBB sekarang mencerminkan struktur kuasa dunia pada 1945, iaitu pada akhir Perang Dunia Kedua. Walaupun keanggotaannya berkembang daripada 11 kepada 15 pada 1965, lima negara yang dikira menang pada Perang Dunia Kedua terus mempunyai status istimewa).

Sebagai anggota tetap, lima negara itu masing-masing mempunyai kuasa veto terhadap setiap keputusan Majlis Keselamatan, sekali gus membuatkan majlis itu tidak demokratik dan tidak berkesan.

Mengenai hasil lawatannya itu, Dr Mahathir melahirkan rasa puas hati. Beliau berada di Monaco selama dua hari sebagai sebahagian daripada atur cara rasmi ke luar negara bermula 22 September lalu.

Sebelum ke New York, beliau berada di London untuk berucap di School of Oriental and African Studies Universiti London dan kemudiannya melakukan

lawatan rasmi tiga hari ke Sweden.